

Kenapa nak saman media?

Free Malaysia Today

2 April 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan mempertimbangkan untuk menyaman media kerana dikatakan salah lapor mengenai isu kehilangan pesawat MH370 dikritik hari ini.

Bekas Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Wangsa Maju Shahbudin Husin, dalam blognya, mempersoalkan adakah ada perkara yang cuba disembunyikan oleh kerajaan sehingga mahu berbuat demikian.

“Dalam isu kerajaan dengan media, terutamanya dalam saat tegang seperti operasi yang sedang berjalan sekarang, kritikan memang tidak boleh dielakkan, terutamanya jika ianya berpunca daripada kelemahan kerajaan sendiri. Kalau pihak kerajaan dan agensinya bersikap telus dan tidak berbelit-belit dalam memberikan maklumat, media biasanya hanya menyalurkan saja apa yang dinyatakan itu.

“Tetapi jika maklumat A bertukar B keesokan harinya, dan lusa menjadi C pula, tentulah media akan memberikan kritikan. Media arus perdana atau yang dikawal oleh kerajaan mungkin akan cuba melindungkannya tetapi media baru tentu saja akan mengkritiknya dan kerajaan seharusnya menerima baik kritikan seumpama itu,” katanya dalam blog www.shabudindotcom.blogspot.com entrinya terbaru bertajuk ‘ Kalau Tak Tahan Kritikan, Berhentilah Jadi Menteri...’.

Menurut Shahbudin, kenyataan bercanggah, maklumat tidak tepat serta kelewatan menyalurkan maklumat berkenaan operasi pencarian pesawat MH370 ini merupakan punca kritikan dilemparkan kepada kerajaan.

“Kenyataan (perdana menteri) Najib yang berbunyi “berakhir di Lautan Hindi” itu ditafsirkan oleh media sebagai “terhempas” serta disiarkan secara meluas keesokannya dan tidak dianggap salah tafsir oleh kerajaan, namun kerajaan hanya menganggapnya salah lapor selepas tujuh hari kemudian, itu pun setelah waris penumpang dari China meluahkan kemarahan mereka,” menurut Shahbudin.

Shahbudin turut berkata kerajaan hanya boleh mengemukakan saman sekiranya media didapati melontarkan fitnah.

“Kritikan bukanlah fitnah. Mentafsirkan berakhir di Lautan Hindi sebagai sama erti dengan terhempas juga bukanlah fitnah,” katanya lagi.

Shahbudin turut mengkritik Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang dikatakan menganggap kritikan kepadanya sebagai menyusahkan dan akan memperbesarkan pujian yang dilemparkan kepadanya walau kecil.

“Kalau terasa berat sangat beban kritikan yang ditanggung dalam isu pesawat yang hilang ini, berhentilah jadi menteri dan kembalilah kepada dunia yang penuh puji-pujian dan sanjungan

seperti yang biasa dinikmatinya sebelum ini,” sindir Shahbudin.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/02/kenapa-nak-saman-media/>